

Dianugerah Ijazah Doktor Kehormat dan universiti Jepun

FUKUOKA, Jepun - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh Universiti Antarabangsa Jepun (IUJ) bagi menghargai sumbangan beliau terhadap hubungan Malaysia dan Jepun.

Dr Mahathir menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah, honoris causa daripada Presiden IUJ, Hiroyuki Itami dalam majlis di sebuah hotel di Bandaraya Fukuoka, bersempena lawatan kerja tiga hari beliau ke wilayah itu.

Pada majlis penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat itu, Itami menegaskan bahawa Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan Dr Mahathir mempunyai impak besar kepada pendidikan tinggi di negara anggota ASEAN.

“Sememangnya diakui dan diiktiraf bahawa ramai anak muda Malaysia yang belajar di luar negara di Jepun telah

menyumbang kepada pembangunan di Malaysia hari ini di bawah dasar ini,” menurut kenyataan IUJ yang dikeluarkan sempena penganugerahan itu.


Dalam ucapan sanjunggannya, Itami berkata, Dasar Pandang ke Timur telah menjadi asas kepada hubungan akrab antara Malaysia dan Jepun.

Di bawah Dasar Pandang ke Timur, kerajaan Malaysia telah menghantar beratus-ratus pelajar dan pelatih korporat ke Jepun.

“Apabila kembali ke Malaysia selepas menamatkan pengajian di universiti atau tamat program di syarikat di Jepun, pelajar Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dan utama dalam membangunkan Malaysia,” katanya.

Menurutnya, IUJ telah mendidik lebih 20 pelajar Malaysia yang dihantar kerajaan Malaysia sejak 1990-an.

- *Bernama*



Dr Mahathir (kanan) menerima ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada Hiroyuki semalam.